

D.R. 17/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Jualan Tajuk ringkas. (Pindaan) 1996.
2. Akta Cukai Jualan 1972, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 1 dengan Pindaan seksyen 1. memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang Akta 64 berikut:
 - (3) Akta ini tidaklah terpakai bagi kawasan yang dikenali sebagai Kawasan Pembangunan Bersama.".
3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda dengan Pindaan seksyen 2. memasukkan selepas takrif "kawalan kastam" takrif yang berikut:

"Kawasan Pembangunan Bersama" hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990;'.
Akta 440.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Jualan 1972 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 1 Akta untuk memperuntukkan bahawa Akta Cukai Jualan 1972 tidaklah terpakai bagi kawasan yang dikenali sebagai Kawasan Pembangunan Bersama.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif bagi "Kawasan Pembangunan Bersama".

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN.(U²)1887.]